



LAKARAN Kompleks Masjid UMP, kampus Pekan yang dilancarkan pembinaan, semalam.

# UMP DIGESA JADI PELOPOR

■ Najib minta universiti fokus pada teknologi rel kereta api

Mohamad Azim Fitri Abd Aziz  
azimfitri@hmetro.com.my

Pekan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) digesa menjadi pelopor dalam kajian dan pemindahan kemahiran teknologi rel kereta api kepada rakyat Malaysia memandangkan industri itu akan dibangunkan secara meluas di negara ini. Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, kajian teknologi pembinaan rel kereta api yang dilakukan UMP itu akan menjadi sokongan kepada Projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) yang menghubungkan Kuala Lumpur ke Pantai Timur dan bakal dilancarkan September ini.

"Untuk itu, seramai 300 penuntut dipilih daripada kumpulan pertama untuk mempelajari dan menghadiri kursus berkaitan kemahiran teknologi pembinaan,

penyelenggaraan dan pengurusan rel kereta api yang akan dikendalikan universiti ini.

"Sebelum ini, UMP fokus kepada teknologi automotif dalam kajian penyelidikan mereka jadi kini saya minta mereka fokus kepada teknologi rel kereta api," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran pembinaan Masjid UMP dan Raikan Syawal Perdana Menteri bersama warga UMP dan Komuniti di Kampus UMP, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pendidikan Tinggi

NAJIB



Datuk Seri Idris Jusoh dan Naib Canselor UMP Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan berkata, UMP akan memulakan proses pemindahan kemahiran teknologi rel kereta api kepada rakyat Malaysia dengan kursus selama enam bulan dikendalikan sepenuhnya oleh universiti itu.

Katanya, kursus jangka panjang mengenai kemahiran pembinaan rel kereta api juga dijangka diperkenalkan UMP pada masa depan.

Beliau berkata, kajian dan pemindahan kemahiran teknologi rel kereta api itu juga sebagai petunjuk prestasi utama (KPI)

baru untuk UMP yang kini semakin naik dalam kedudukan universiti terbaik di dunia.

"Selepas berjaya dalam membangunkan program berteraskan teknologi automotif, kerajaan beri KPI baru kepada UMP untuk membangunkan kemahiran pembinaan dan penyelenggaraan rel kereta api," katanya.

Sementara itu, Dr Daing Nasir berkata, pembinaan Masjid UMP yang dirasmikan Najib akan menggunakan sepenuhnya teknologi hijau, sekali gus menjadi mercu tanda baru di Mukim Kuala Pahang, di sini.

Beliau berkata, keunikan masjid dibina di tapak seluas tiga hektar berkenaan terletak pada reka bentuknya yang bersifat mesra alam.

**FAKTA**  
300 penuntut dipilih daripada kumpulan pertama untuk pelajari kursus